

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 06.12.2024 MASA: 09.10AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN**  
**ABDUL HAMID**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN TAMAN BUNGA : *BLOSSOM'S***  
***EMBRACE : A SYMPHONY OF* LAMAN FLORA DI**  
**TAMAN BANDARAYA VISION PARK, KEPALA BATAS,**  
**SEBERANG PERAI UTARA**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**8 DISEMBER 2024 (AHAD)**  
**8.30 PAGI**

**TAMAN BANDARAYA VISION PARK**  
**SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak**

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**

Pengerusi Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

**En Muhamad Suzuki Bin Ahmad**

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

**Yang Di Hormati ACP Anuar bin Abdul Rahman**

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara

**Yang Berusaha Encik Lar. Shaqhrony Bin Md Yusoff @ Jamaludin**

Pengarah Landskap

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, diberikan kesempatan untuk kita bertemu dan berhimpun pada pagi yang barakah ini dalam **Majlis Perasmian Taman Bunga : *Blossom's Embrace : A Symphony Of Laman Flora Di Taman Bandaraya Vision Park , Kepala Batas, Seberang Perai Utara.***
2. Saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin menjunjung kasih serta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang di atas kesudian menghadiri serta menyempurnakan Majlis pada pagi ini. Sesungguhnya kami amat berbesar hati dan amat berbangga mempunyai penaung yang sentiasa dekat di hati kami dan juga masyarakat Negeri Pulau Pinang.
3. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Exco Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa; Dif-Dif Kehormat; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya MBSP; rakan-rakan korporat; Ketua-Ketua

Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; warga kerja MBSP dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

4. Untuk makluman semua, cadangan mewujudkan taman bunga ini adalah hasil cetusan idea Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Cadangan tersebut menjadi inspirasi utama bagi MBSP merealisasikan projek ini, yang kini berdiri megah sebagai lambang keharmonian antara manusia dan alam.
5. Susulan program perasmian Laman Flora ini, MBSP mengambil kesempatan untuk melaksanakan penjenamaan semula Taman Wawasan Vision Park kepada Taman Bandaraya Vision Park, sebagai usaha untuk memperkukuh identiti dan imej taman ini. Taman rekreasi awam ini akan dinaik taraf secara berperingkat bagi memastikan ia lebih selesa dan memenuhi keperluan pengunjung, terutamanya masyarakat setempat di sekitar Kepala Batas.
6. Taman Rekreasi Awam (Vision Park) merupakan sebuah taman awam yang terletak di kawasan pembangunan baharu Bertam di atas Lot 13459, 13455, 13456 serta Lot 15454 (tasik). Lokasi taman ini terletak secara strategik di Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, bersebelahan Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas, Seberang Perai Utara. Taman ini telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau

Pinang, dengan Setiausaha Kerajaan Negeri bertindak sebagai Pegawai Pengawal. Sementara itu, MBSP diberi mandat sebagai agensi penyelenggara untuk memastikan taman ini terus dipelihara dan berfungsi sebagai ruang rekreasi yang berkualiti untuk masyarakat.

7. Taman Rekreasi Awam ini merangkumi keluasan keseluruhan sebanyak 128 ekar, menjadikannya salah satu kawasan rekreasi yang signifikan di Seberang Perai Utara. Daripada jumlah tersebut, 66.48 ekar diperuntukkan sebagai kawasan lapang yang direka untuk pelbagai aktiviti rekreasi dan riadah, manakala baki 61.56 ekar terdiri daripada tasik yang menjadi elemen landskap utama serta menyumbang kepada keseimbangan ekologi dan estetika taman ini.
8. Keluasan kawasan lapang Vision Park yang telah dimajukan adalah sebanyak 24 ekar, manakala keluasan tasik pula mencakupi 39.75 ekar, menjadikan jumlah keseluruhan yang dimajukan adalah sebanyak 63.75 ekar. Pembangunan ini telah berjaya disiapkan melalui kerjasama strategik antara Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang (ICU), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang, serta Bertam Properties Sdn. Bhd. Projek ini secara rasmi disempurnakan pada 24 April 2006.
9. Pihak Bertam Properties Sdn. Bhd. telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Taman Rekreasi Awam ini sebelum menyerahkan

sepenuhnya kepada MBSP pada 1 Oktober 2022. Kedudukan taman ini yang strategik di pola penempatan berkepadatan tinggi menjadikannya sebagai salah satu destinasi utama masyarakat setempat untuk pelbagai aktiviti riadah dan rekreasi.

10. Projek Taman Bunga : *Blossom's Embrace : A Symphony Of Laman Flora* ini telah dimulakan pada 10 Januari 2024 dan berjaya disiapkan sepenuhnya pada 10 September 2024, dengan kos keseluruhan berjumlah RM884,757.38. Pada hari yang bersejarah ini, kita akan menyaksikan penyempurnaan Taman Bunga di Vision Park ini, yang kini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti dataran kejut/medan, wakaf, peralatan permainan kanak-kanak dan alatan senaman yang sering menjadi tumpuan masyarakat setempat, terutamanya pada waktu pagi dan petang. Selain itu, taman ini turut menjadi lokasi pilihan untuk pelaksanaan pelbagai aktiviti seperti senamrobik, berbasikal serta majlis keraian, menjadikannya sebuah ruang komuniti yang dinamik dan serba guna.
11. Yang paling menarik adalah penanaman pelbagai jenis tumbuhan bagi memperindah kawasan landskap Taman Rekreasi Awam ini, yang merangkumi spesies seperti *Footstool Palm/ Livistonia rotundifolia*, Kembang Seberang/ *Casia biflora* (Pokok Rasmi MBSP), Siantan/ *Ixora 'Dwarf Pink'*, Bunga Loceng/ *Allamanda cathartica*, Spanish Jasmine/ *Jasminum grandiflorum*, Madagascar Periwinkle/ *Catharanthus mix colour*, Mexican Petunia/ *Ruellia simplex 'purple'*,

Sulphur Alder/ *Turnera subulata* dan Siantan/ *Ixora thai orange*.

Penanaman tumbuhan ini bukan sahaja meningkatkan estetika taman tetapi turut berperanan menyokong biodiversiti dan mewujudkan suasana hijau yang harmoni untuk dinikmati oleh pengunjung.

12. Dengan penyediaan kemudahan ini, ia bukan sahaja dapat menggalakkan interaksi sosial yang sihat dalam kalangan penduduk tetapi juga berperanan mengukuhkan hubungan silaturahim antara komuniti. Penyediaan laman flora ini adalah selaras dengan kempen Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu, *Penang 2030: A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation* dan juga menyumbang kepada matlamat menjadikan Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.
13. Akhir kata, saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun, jika ada ketelanjangan kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Terima kasih juga kepada Dif-Dif Kehormat; dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyokong segala usaha MBSP.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***